



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2

62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

391 PEMILIK MENGUNDI UNIT RUMAH KERINCHI RESIDENSI YANG BAKAL SIAP PADA APRIL 2016

22 Jun 2013, Kuala Lumpur – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini beramah mesra bersama komuniti Kampung Kerinchi dalam Majlis Pengundian Unit Rumah Kerinchi Residensi, Kerinchi, Kuala Lumpur. Seramai 391 pemilik akan mengundi unit rumah yang bakal diduduki pada April 2016. Sesi pengundian yang dilaksanakan ini turut dihadiri oleh wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Kuala Lumpur sebagai pemerhati.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk membuat pengundian secara telus bagi unit rumah Kerinchi Residensi yang akan didiami oleh penduduk-penduduk yang terlibat dengan projek pembangunan semula Rumah Pangsa 4 Tingkat PKNS, Kerinchi, Kuala Lumpur. Penduduk bakal menduduki pangsapuri moden yang lebih selesa berkeluasan 900 kps yang mempunyai tiga (3) bilik tidur dengan dua (2) bilik air serta dilengkapi dengan balkoni, kabinet dapur dan mesin pengering baju. Rumah kediaman yang serba moden ini turut dilengkapi dengan teknologi terkini yang mempunyai ciri-ciri keselamatan sama seperti di kawasan kediaman elit lain di negara ini.

Program ini juga secara tidak langsung dapat mengeratkan dan mewujudkan hubungan yang harmoni antara pihak kerajaan dengan warga Wilayah Persekutuan khususnya penduduk Rumah Pangsa 4 Tingkat Kampung Kerinchi. Mereka akan menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan sistematik di masa akan datang.

Secara keseluruhannya, projek pembangunan semula Rumah Pangsa 4 Tingkat Kampung Kerinchi yang dinamakan Kerinchi Residensi ini akan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat bandar terutamanya penduduk-penduduk yang terlibat. Ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam memastikan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera.

Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa menekankan keperluan dan kebajikan masyarakat di bandar bagi membolehkan mereka terlibat sama dan merasai kebaikan dalam arus pembangunan di Wilayah Persekutuan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
22 Jun 2013
Kuala Lumpur